



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

ISNIN, 4 MAC 2024

LAPORAN HARIAN





JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

4/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER	
1	<b>KOMITED SEDIA PELAN PERANCANGAN PERUMAHAN KOMPREHENSIF</b>	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/03/komited-sedia-pelan-perancangan-perumahan-komprehensif">https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/03/komited-sedia-pelan-perancangan-perumahan-komprehensif</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY
		<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/04/perintah-sarawak-komited-nyendiaka-pelin-pemansang-pengawa-berumah-ti-komprehensif">https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/04/perintah-sarawak-komited-nyendiaka-pelin-pemansang-pengawa-berumah-ti-komprehensif</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER	
2	<b>KECEKAPAN JKM URUS BANTUAN BANJIR KURANGKAN TEKANAN MANGSA - NANCY</b>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1218992/kecekapan-jkm-urus-bantuan-banjir-kurangkan-tekanan-mangsa-nancy">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1218992/kecekapan-jkm-urus-bantuan-banjir-kurangkan-tekanan-mangsa-nancy</a>	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER	
3	<b>BANJIR: JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT SEDIA KHIDMAT KAUNSELING DI PPS</b>	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/03/03/banjir-jabatan-kebajikan-masyarakat-sedia-khidmat-kaunseling-di-pps/">https://www.tvsarawak.my/2024/03/03/banjir-jabatan-kebajikan-masyarakat-sedia-khidmat-kaunseling-di-pps/</a>	TVSARAWAK.MY
		<a href="https://www.youtube.com/watch?v=YZurwuF8cO8">https://www.youtube.com/watch?v=YZurwuF8cO8</a>	YOUTUBE
		<a href="https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/jabatan-kebajikan-masyarakat-sedia-khidmat-kaunseling-di-pps-x8trbho">https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/jabatan-kebajikan-masyarakat-sedia-khidmat-kaunseling-di-pps-x8trbho</a>	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER	
4	<b>LATIHAN KEMAHIRAN BANTU KELUAR DARIPADA GELANDANGAN</b>	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/652482/berita/nasional/latihan-kemahiran-bantu-keluar-daripada-gelandangan">https://www.sinarharian.com.my/article/652482/berita/nasional/latihan-kemahiran-bantu-keluar-daripada-gelandangan</a>	SINARHARIAN.COM.MY
		<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/03/latihan-kemahiran-bantu-gelandangan-berdikari/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/03/latihan-kemahiran-bantu-gelandangan-berdikari/</a>	UTUSAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM




[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

4/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>ANAK-ANAK MINTA MAKANAN DI RUMAH JIRAN, IBU BAPA KHAYAL SYABU</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/03/03/anak-anak-minta-makanan-di-rumah-jiran-ibu-bapa-khayal-syabu/">https://www.kosmo.com.my/2024/03/03/anak-anak-minta-makanan-di-rumah-jiran-ibu-bapa-khayal-syabu/</a>	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>RM14 JUTA DILULUSKAN BAGI GTK 2,800 IPAKK BERDAFTAR DI SELURUH SARAWAK</b>	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/03/rm14-juta-diluluskan-bagi-gtk-2800-ipakk-berdaftar-di-seluruh-sarawak">https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/03/rm14-juta-diluluskan-bagi-gtk-2800-ipakk-berdaftar-di-seluruh-sarawak</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY



TAJUK : KOMITED SEDIA PELAN PERANCANGAN PERUMAHAN KOMPREHENSIF

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 4 MAC 2024

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Komited sedia pelan perancangan perumahan komprehensif

Projek Penempatan Sungai Bedaun bukti komitmen tinggi kerajaan GPS selaras dengan PCDS 2030: Premier

Oleh Agnes Tugong

**KUCHING:** Projek Penempatan Sungai Bedaun di sini bukti komitmen tinggi kerajaan Gabungan Parti Sarawak (GPS) dalam menyediakan pelan perancangan perumahan yang komprehensif selaras dengan Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 (PCDS) 2030.

Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg berkata, strategi pembangunan ini telah dirangka untuk menghadapi isu dan masalah dalam pasaran perumahan bagi membolehkan rakyat terutama golongan B40 mendapat akses kepada peluang memiliki rumah.

"Projek perumahan seperti model rumah dan harga mampu milik ini akan diperluas ke beberapa kawasan lain seperti Gedong, Asajaya, Sebuyau, Kabong, Sungai Baji di Sarikei, Kemuyang di Sibui, Jepak di Bintulu dan Kapit.

"Ini sebagai bukti Kerajaan Sarawak yang prihatin dan bertanggungjawab untuk memajukan taraf hidup masyarakat secara inklusif bagi semua warga Sarawak," katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapannya yang dibacakan oleh Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi Datuk Dr Abdul Rahman Junaidi pada majlis penyerahan kunci rumah bagi Projek Penempatan Sungai Bedaun semalam.

Hadir sama Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Ahli Parlimen Santubong Dato Sri Nancy Shukri, Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Datuk Aidel Lariwo, Pengerus Besar Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah (LCDA) Datu Monaliza Zaidel serta yang lain.

Tambah Abang Johari, kerajaan turut giat melaksanakan pelbagai skim penempatan untuk rakyat termasuk Skim Penempatan Semula (SPS)

“Projek perumahan seperti model rumah dan harga mampu milik ini akan diperluas ke beberapa kawasan lain seperti Gedong, Asajaya, Sebuyau, Kabong, Sungai Baji di Sarikei, Kemuyang di Sibui, Jepak di Bintulu dan Kapit.”

Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg  
Premier Sarawak

dan Skim Pembesaran Kampung (SPK).

Skim ini turut dilengkapi dengan infrastruktur asas seperti parit konkrit, jalan berturap, lampu jalan dan kemudahan lain yang diperlukan untuk memastikan penempatan rakyat yang disediakan lebih teratur dan moden.

Mengulas mengenai Projek Penempatan Sungai Bedaun, Abang Johari berkata Kerajaan Sarawak telah bersetuju untuk membina sebuah masjid baharu di penempatan tersebut dalam pakej kedua. Pembinaan masjid ba-

haru tersebut adalah untuk kegunaan penduduk dalam penempatan Sungai Bedaun dan kawasan sekitarnya seperti Kampung Sungai Batu, Kampung Sungai Bedaun dan Kampung Sungai Lumut serta para pengunjung luar yang menggunakan Jalan Sultan Tengah.

Selain itu Kerajaan Sarawak juga akan membina sebuah dewan masyarakat di kawasan penempatan ini bagi membolehkan para penduduk penempatan ini dapat menjalani kegiatan sosial dan rekreasi mereka.




**KONDISIF:** Dr Abdul Rahman (empat kanan) bersama Nancy (empat kiri), Aidel (tiga kanan) serta yang lain menunjukkan unit rumah di penempatan Sungai Bedaun. — Gambar UKAS

Projek Perumahan Sungai Bedaun dibangunkan oleh LCDA di kawasan seluas lebih kurang 108.26 ekar bagi menempatkan keluarga-keluarga tambahan yang terlibat dalam

Projek Pembangunan Darul Hana.

Projek ini melibatkan pembinaan sebanyak 426 unit rumah di mana pakej pertama melibatkan sebanyak 209 unit

rumah telah siap manakala pakej kedua melibatkan sebanyak 217 unit rumah yang akan dibina pada Jun tahun ini dan dijangka siap pada suku ketiga tahun 2026.



## Komited sedia pelan perancangan perumahan komprehensif

© 2024-03-03T15:39:42+08:00

Projek Penempatan Sungai Bedaun bukti komitmen tinggi kerajaan GPS selaras dengan PCDS 2030: Premier



Dr Abdul Rahman (empat kanan) bersama Nancy (empat kiri), Aidel (tiga kanan) serta yang lain menunjukkan unit rumah di penempatan Sungai Bedaun. - Gambar UKAS

KUCHING: Projek Penempatan Sungai Bedaun di sini bukti komitmen tinggi kerajaan Gabungan Parti Sarawak (GPS) dalam menyediakan pelan perancangan perumahan yang komprehensif selaras dengan Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 (PCDS) 2030.

Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg berkata, strategi pembangunan ini telah dirangka untuk menghadapi isu dan masalah dalam pasaran perumahan bagi membolehkan rakyat terutamanya golongan B40 mendapat akses kepada peluang memiliki rumah.

“Projek perumahan seperti model rumah dan harga mampu milik ini akan diperluas ke beberapa kawasan lain seperti Gedong, Asajaya, Sebuyau, Kabong, Sungai Baji di Sarikei, Kemuyang di Sibul, Jepak di Bintulu dan Kapit.

“Ini sebagai bukti Kerajaan Sarawak yang prihatin dan bertanggungjawab untuk memajukan taraf hidup masyarakat secara inklusif bagi semua warga Sarawak,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapannya yang dibacakan oleh Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi Datuk Dr Abdul Rahman Junaidi pada majlis penyerahan kunci rumah bagi Projek Penempatan Sungai Bedaun hari ini.

Hadir sama, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Ahli Parlimen Santubong Dato Sri Nancy Shukri, Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Datuk Aidel Lariwoo, Pengurus Besar Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah (LCDA) Datu Monaliza Zaidel serta yang lain.

Tambah Abang Johari, kerajaan turut giat melaksanakan pelbagai skim penempatan untuk rakyat termasuk Skim Penempatan Semula (SPS) dan Skim Pembesaran Kampung (SPK).

Skim ini turut dilengkapi dengan infrastruktur asas seperti parit konkrit, jalan berturap, lampu jalan dan kemudahan lain yang diperlukan untuk memastikan penempatan rakyat yang disediakan lebih teratur dan moden.


Mengulas mengenai Projek Penempatan Sungai Bedaun, Abang Johari berkata Kerajaan Sarawak telah bersetuju untuk membina sebuah masjid baharu di penempatan tersebut dalam pakej kedua.

Pembinaan masjid baharu tersebut adalah untuk kegunaan penduduk dalam penempatan Sungai Bedaun dan kawasan sekitarnya seperti Kampung Sungai Batu, Kampung Sungai Bedaun dan Kampung Sungai Lumut serta para pengunjung luar yang menggunakan Jalan Sultan Tengah.

Selain itu Kerajaan Sarawak juga akan membina sebuah dewan masyarakat di kawasan penempatan ini bagi membolehkan para penduduk penempatan ini dapat menjalani kegiatan sosial dan rekreasi mereka.

Projek Perumahan Sungai Bedaun dibangunkan oleh LCDA di kawasan seluas lebih kurang 108.26 ekar bagi menempatkan keluarga-keluarga tambahan yang terlibat dalam Projek Pembangunan Darul Hana.

Projek ini melibatkan pembinaan sebanyak 426 unit rumah di mana pakej pertama melibatkan sebanyak 209 unit rumah telah siap manakala pakej kedua melibatkan sebanyak 217 unit rumah yang akan dibina pada Jun tahun ini dan dijangka siap pada suku ketiga tahun 2026.



## Kecekapan JKM urus bantuan banjir kurangkan tekanan mangsa - Nancy

Oleh Mohd Roji Kawi - Mac 3, 2024 @ 10:44am  
mdroji@bh.com.my



Nancy bersama sebahagian pengerusi surau dan masjid dalam Parlimen Santubong yang menerima sumbangan persediaan Ramadan. - Foto MOHD ROJI KAWI

KUCHING: Kesiapsiagaan secara menyeluruh agensi kerajaan khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mendepani bencana banjir luar jangka seperti yang berlaku di Sarawak semalam, berjaya mengurangkan tekanan kepada mangsa.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, ramai yang tidak menjangka banjir kilat melanda ketika kebanyakan kawasan termasuk di utara Sarawak sedang menghadapi cuaca panas melampau.

Beliau berkata, menerusi persediaan terancang dan berterusan, tiada isu berbangkit berkenaan kelewatan bantuan atau penduduk tidak menerima bantuan akibat bencana itu.

"JKM bersedia sepanjang masa dalam apa jua keadaan bagi menguruskan bencana yang melanda dan hasilnya dapat kita lihat dalam kejadian di Sarawak semalam.

"Tiada aduan diterima kerana kecekapan pengurusan banjir oleh semua agensi kerajaan yang terbabit," katanya ketika ditemui selepas Majlis Penyampaian Sumbangan Ramadan Parlimen Santubong di Masjid Darul Hijrah, Bandar Baru Samariang, malam tadi.

Sejumlah RM169,000 diperuntukan kepada 22 masjid dan surau dalam Parlimen Santubong untuk menjalankan aktiviti sepanjang bulan Ramadan.

Mengulas lanjut, Nancy berkata, jika ada mangsa banjir yang tidak menerima bantuan sewajarnya, mereka boleh menghubungi Talian Kasih 15999 untuk membuat aduan.


"Tetapi dalam kejadian semalam, semua pegawai JKM berada di lokasi banjir dan mangsa boleh terus berjumpa mereka.

"Selain bantuan makanan, tempat tinggal sementara serta perubatan, kita juga menyediakan kaunselor bagi membantu mangsa yang menghadapi tekanan kerana mengalami kerosakan harta benda serta memikirkan kesulitan membersihkan rumah selepas dilanda banjir," katanya.

Banjir kilat yang berlaku semalam adalah yang ketiga berlaku tahun ini selepas yang pertama pada 28 Januari; alu dan yang kedua pada 16 Februari lalu.

Bencana itu disifatkan yang terburuk apabila paras air naik sehingga dua meter akibat hujan lebat berterusan bermula jam 1 pagi.

Sehingga pagi ini, seramai 1,497 daripada 392 keluarga mangsa banjir ditempatkan di 14 pusat pemindahan sementara (PPS) di Kuching, Bau, Lundu, Balai Ringin dan Siburan.



Jabatan Kebajikan Masyarakat menempatkan pegawainya bagi menawarkan khidmat kaunseling kepada mangsa bencana di setiap pusat pemindahan sementara. Foto TVS

## Banjir: Jabatan Kebajikan Masyarakat sedia khidmat kaunseling di PPS

By TVS #bm, Berita Sarawak March 3, 2024

KUCHING, 3 Mac: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menempatkan pegawainya bagi menawarkan khidmat kaunseling kepada mangsa bencana di setiap pusat pemindahan sementara (PPS).

Selain bantuan makanan dan tempat perlindungan, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata perkara itu penting dalam memastikan keadaan emosi mangsa sentiasa stabil dan bertenang sekali gus mengelak masalah tertekan.



Datuk Seri Nancy Shukri ketika menyampaikan sumbangan Ramadan kepada wakil masjid dan surau di kawasan Parlimen Santubong di Kuching, malam tadi. Foto TVS

"Pada masa seperti ini memang banyak cabaran dan juga menjadi tekanan masing-masing, teringat rumah nak dicuci lagi, jadi memang tertekan. Sebab itu kaunselor kita ada untuk menangani mereka yang memerlukan nasihat kaunselor.

"Malah kita ada menyediakan kaunselor dan mereka akan membantu kanak-kanak untuk mengadakan aktiviti-aktiviti supaya mereka terhibur dan menggunakan masa itu dengan boleh memanfaatkan masa yang ada sepanjang berada di PPS tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Ceramah Ambang Ramadan dan Sumbangan Ramadan Kawasan Parlimen Santubong di Masjid Darul Hijrah, Bandar Baru Samariang Kuching di sini, malam tadi.

Menurutnya lagi, mangsa yang terlibat dalam apa juga bencana alam termasuk banjir boleh menghubungi Talian Kasih 15999 Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang beroperasi 24 jam bagi mendapatkan bantuan segera.


Kakitangan JKJ sentiasa bersiap siaga untuk diatur gerak selepas mendapat maklumat menerusi talian itu selain koordinasi bersama agensi berkaitan.

"Kita tidak mahu ia menjadi beban kepada masyarakat, sebab itu kita sentiasa memantau apa yang berlaku.

"Penyelarasan turut dilakukan secara bersama dengan kementerian berkaitan, memaklumkan kepada kita keadaan banjir di sesuatu kawasan, namun kami melihat secara holistik di seluruh negara," katanya.

Terdahulu Nancy menyerahkan sumbangan Ramadan kepada lapan surau dan masjid bagi kawasan Parlimen Santubong berjumlah RM44,000.

Sebanyak 46 masjid dan surau telah mengemukakan permohonan geran tersebut dan setakat ini sumbangan berjumlah RM169,000 telah disalurkan kepada 20 masjid dan surau bagi fasa pertama.



TAJUK : A BIGGER SHIELD FOR KIDS

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 4 MAC 2024

M/SURAT : 02

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# A bigger shield for kids

## Children's Commissioner wants Child Sex Offenders Registry to be expanded

By **TEH ATHIRA YUSOF**  
[tehathirayusof@thestar.com.my](mailto:tehathirayusof@thestar.com.my)

**PETALING JAYA:** Plans are afoot to expand the Child Sex Offenders Registry to include crimes such as physical abuse against children.

Currently, the registry covers sexual offences only.

"What happens if a person has been convicted of physical abuse involving children?" said Children's Commissioner Dr Farah Nini Dusuki (pic).

"The purpose of the registry is to prevent people who have a history of crimes against children to not work near minors."

As such, Farah Nini is looking to expand the current crimes outlined in the registry, she told *The Star*.

The Children's Commission was

established in 2019 as an independent body to protect the rights of children.

Farah Nini, who spent three decades working in the field of human rights and child law, was appointed for a three-year term as the Children's Commissioner under the Human Rights Commission of Malaysia (Suhakam) on March 8, 2023.

The King consented to Farah's appointment as Children's Commissioner in accordance with Section 5(2) of the Human Rights Commission of Malaysia Act.

She succeeded the first Children's Commissioner, Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal, who held the position from 2019 to 2022.

In an interview to mark her first year on the job, Farah Nini



shared her concerns about the current limitations of the Child Sex Offenders Registry, which has been up since April 1, 2019.

"Last year, I read an article about a child who was abused at a daycare centre by their carer. What makes it even more appall-

ing is that the suspect had previously been convicted of child abuse. This could have been prevented if a list covering child physical abuse was included in the registry," she said.

Such a list could help daycare centres carry out background checks on prospective hires and prevent incidents such as this from happening, she added.

Farah Nini said Section 31 of the Child Act, outline offences such as abuse, neglect, abandonment or exposing a child in a manner likely to cause "physical or emotional injury."

This meant that the provision covered all forms of abuse against children including physical abuse, she added.

She said it is crucial to include other offences such as physical

abuse against children in the registry following rising reports of abuse, especially in daycare centres.


Having such an inclusive registry would allow a daycare centre to write to the Welfare Department, which manages the registry, to request that it screen a potential hire, said Farah Nini.

She said the proposal had been made to the Chief Justice and had received a positive response.

"The Children's Commission, as a bridge (between the public and the authorities), met the Chief of Justice back in October (last year) on our requests," she said.

The first request was to expand the register and the second was to include those who were charged with child abuse in the registry, she added.





TAJUK : MORE WAYS NEEDED TO PROTECT CHILDREN

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 4 MAC 2024

M/SURAT : 02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## More ways needed to protect children

**PETALING JAYA:** The Child Sex Offenders Registry is not a cure-all and other measures are crucial to protect children, say child activists.

The registry, established in 2019, alone cannot solve the problem of abuse, said child activist Datuk Dr Hartini Zainudin.

"A multifaceted approach that includes education, community support, mental health services, and an effective legal framework is essential to address the root causes of abuse and prevent it from occurring in the first place," she said.

The Child Sex Offenders Registry, which is accessible at state Welfare Department offices, enables employers to check, among others, whether a prospective childcare provider has a record of child sexual offences.

Children's Commissioner Dr

Farah Nini Dusuki told *The Star* that there are plans to expand the registry to include crimes such as physical abuse against children, instead of only sexual offences.

Hartini, when asked about this, said: "Given the rise in child abuse cases in daycare centres and other settings, such an expansion would serve as a crucial preventive measure. It would not only help in screening and excluding potential abusers from being employed in sensitive positions involving direct contact with children but could also act as a deterrent for abuse."

Hartini, however, said expanding the register to include a broader range of abuse would require careful consideration of legal, ethical, and privacy implications.

"It would be essential to define clearly what types of abuse cases

would be included and how this information would be managed and accessed to ensure it serves its intended protective purpose without leading to unintended consequences, such as wrongful stigmatisation or privacy violations," she said.

Childline Foundation project director Datin Wong Poai Hong said there should be a mandatory screening of people applying for child-related jobs.

"Right now, there is no mandatory screening and the existing registry only covers convicted sexual offenders," she said.

"There are many others not convicted of the offence due to poor investigation or handling."

Be My Protector engagement and operations director Roland Edward suggested that the registry also include offenders convicted

of child-related crimes while they were abroad.

He also said the expansion of the registry should not be restricted to the use of childcare centres but also houses of worship that hire staff who work with children.

Child Rights, Innovation and Betterment Foundation co-chair Sridvidhya Ganapathy said child abuse cases are under-reported and, by and large, only the more serious cases result in a charge and subsequent conviction.

As such, she feels that expanding the register to cover abuse cases is not an effective way to combat the rising number of child abuse incidents in daycare centres.

"I would say that doing a background check on a potential employee would be more useful for any organisation working with children," she said.

Sridvidhya said she currently had no data on the efficacy or usefulness of the Child Sex Offenders Registry.

"Of the number of people who are charged in court, only a small fraction is convicted. Given this, the registry in itself is not a comprehensive database as it only records convicted child sexual offenders," she added.

Instead of expanding the registry, she suggested the government allocate enough funds to ensure that all staff of companies working with children are periodically trained in child safety procedures.

There should also be an efficient system throughout the country to facilitate reports on suspected abuse or child sexual exploitation, and a standardised process to deal with such complaints efficiently and speedily, she said.



## Latihan kemahiran bantu keluar daripada gelandangan

Oleh ZULHISHAM ISAHAK 03 Mac 2024 01:17pm Masa membaca: 4 minit



Dr Zaliha

SEGAMAT - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan terus memberi latihan kemahiran kepada gelandangan di Kuala Lumpur bagi membolehkan mereka kembali dalam masyarakat dan membina hidup baharu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dr Zaliha Mustafa berkata, latihan diberikan itu nanti antaranya memasak, gunting rambut dan membuat kraftangan akan membantu mereka mendapatkan kerja yang sesuai dengan kemahiran mereka sekali gus dapat menjana sumber pendapatan dan pekerjaan.

"Kemahiran ini kita tawarkan kepada ratusan gelandangan yang berlindung di Pusat Transit Kuala Lumpur (PTKL) di bawah JKM. Ada juga di antara mereka mempunyai kemahiran-kemahiran yang boleh digarap dan kemudian kita bantu mereka untuk keluar daripada isu gelandangan."

"Contohnya kemahiran yang mudah seperti memasak, gunting rambut dan sebagainya, kemudian kita beri pekerjaan yang akhirnya boleh menyara kehidupan mereka dan keluar daripada masalah gelandangan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Peruntukan Ahli Parlimen Sekijang Kepada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Bawah Kawasan Parlimen Sekijang Tahun 2024 di Pejabat Daerah Segamat di sini pada Ahad.



Dr Zaliha (tengah) menyerahkan replika cek kepada wakil-wakil JPKK di Pejabat Daerah Segamat, Segamat pada Ahad.

Dr Zaliha berkata, usaha itu dijangka dapat mengurangkan lambakan gelandangan di Kuala Lumpur yang kebanyakannya berpunca daripada masalah seperti ketiadaan rumah dan masalah mental.

**“ Katanya, tidak mudah untuk mensifarkan jumlah gelandangan namun akan cuba melakukan beberapa pendekatan dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) khususnya dalam pemberian makanan kepada mereka.**

Artikel Berkaitan:

- Sinar Karangkrif, Hotel Sheraton Imperial Kuala Lumpur jalin kerjasama
- Polis Kuala Lumpur lupus dadah bernilai RM8.89 juta
- Hospital Gleneagles Kuala Lumpur beri kesedaran kesihatan jantung

"Kalau kita tengok tentang isu lambakan warga asing mahupun gelandangan, bagi saya memang betul ia adalah isu legasi dan di peringkat Jabatan Wilayah Persekutuan di bawahnya agensi yang ada termasuk DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)), kita sedang merancang tindakan yang lebih bersepadu melibatkan lebih banyak agensi," katanya.

Ini termasuk katanya, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan polis bagi melibatkan isu warga asing manakala JKM dan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) melibatkan penyelesaian isu gelandangan.


"Baru-baru ini saya telah berjumpa dengan lebih daripada 10 agensi terlibat untuk kita merancang apakah penyelesaian terbaik yang boleh kita laksanakan kepada dua isu legasi ini.

"Contohnya pekerja asing, ia perlulah satu tindakan yang lebih adil dan ada sebahagian besar daripada mereka ini yang kita dapat (tahan) baru-baru ini dalam Operasi Mini Dhaka lebih kurang 10 peratus sahaja.

"Mereka tidak mempunyai dokumen, jadi mungkin mereka hadir ke Kuala Lumpur itu untuk bertemu rakan-rakan segenara atau untuk hari libur mereka dan sebagainya," katanya.

Sementara itu, beliau memberitahu, sumbangan RM65,000 itu disampaikan untuk 23 kampung dan daripada jumlah itu, 18 kampung Melayu dan lima lagi kampung baharu Cina.

Menurutnya yang juga Ahli Parlimen Sekijang, sumbangan tersebut untuk JPKK menjalankan aktiviti di kawasan masing-masing dan pada masa depan pihaknya akan menambah peruntukan terbabit.



## Anak-anak minta makanan di rumah jiran, ibu bapa khayal syabu

Oleh DIYANATUL ATIQA ZAKARYA 3 Mac 2024, 12:11 pm



JKM negeri mendapatkan Perintah Jagaan Sementara bagi kelima-lima beradik untuk ditempatkan di Rumah Kasih Tun Abdul Aziz, Durlan Daun, Melaka.

MELAKA – Lima beradik termasuk bayi berusia 10 bulan di Kampung Pernu dekat sini diselamatkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri selepas ibu bapa mereka ditemui dalam keadaan 'lalok' dipercayai di bawah pengaruh dadah jenis syabu.

Kesemua kanak-kanak terbabit iaitu dua perempuan dan tiga lelaki masing-masing berusia 10, 9, 5, 4, dan tiga bulan diselamatkan sepasukan Pelindung Daerah Melaka Tengah bersama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK).

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri, Datuk Kalsom Nordin berkata, penyelamatan itu dibuat selepas pihak pelindung menerima aduan daripada Klinik Kesihatan Telok Mas pada 9 Januari lalu mengenai kes pengabaian kanak-kanak.

Jelasnya, ibu bapa kanak-kanak terbabit yang berusia 31 dan 40 tahun dilaporkan tidak membawa bayi mereka yang ketika kejadian berusia dua bulan ke klinik bagi pemeriksaan kesihatan dan vaksinasi bayi.

"Susulan laporan itu, pelindung telah membuat lawatan ke rumah keluarga tersebut dan penyelamatan dibuat selepas ibu bapa mereka dikesan berada dalam keadaan 'lalok'.

"Pasangan suami isteri itu ditahan AADK selepas hasil saringan ujian air kencing dilakukan ke atas pasangan itu didapati positif dadah jenis syabu," katanya.

Mengulas lanjut beliau berkata, hasil soal siasat dilakukan, anak-anak tersebut dipercayai tidak mendapat pengawasan dan pengawalan yang sepatutnya sehingga sering meminta makanan di rumah jiran berdekatan.

Kalsom berkata, kesemua mereka kini berada di bawah Perintah Jagaan Sementara di tempat selamat mengikut seksyen 25(2) Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu di Rumah Kasih Tun Abdul Aziz, Durian Daun, dekat sini.-KOSMO! ONLINE

## RM14 juta diluluskan bagi GTK 2,800 IPAKK berdaftar di seluruh Sarawak

© 2024-03-03T20:54:42+08:00



Fatimah meluangkan masa bersama kanak-kanak yang belajar di Taska di Tempat Kerja Ci Cilik Kompleks Puncak Borneo.

KUCHING: Kerajaan negeri telah meluluskan peruntukan sejumlah RM14 juta bagi Geran Tahunan Khas (GTK) bagi 2,800 Institusi Pendidikan Awal Kanak-Kanak (IPAKK) berdaftar di seluruh Sarawak untuk tahun ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata GTK bagi memperkasakan pendidikan awal kanak-kanak di negeri ini.

"Ini adalah inisiatif Kerajaan Sarawak dan saya rasa hanya Sarawak yang menyediakan inisiatif ini. Setiap taska dan tabika berdaftar tidak kira swasta atau kerajaan boleh memohon GTK melalui kementerian kami.

"Jumlah geran yang diberikan oleh kerajaan ialah RM5,000. Ini adalah inisiatif kerajaan negeri kerana kementerian tahu bagaimana keadaan di sekolah, taska dan tabika khususnya di luar bandar.

"Oleh itu inisiatif seperti ini, kami tahu akan dapat banyak membantu taska mahupun tabika," katanya ketika berucap semasa merasmikan Taska di Tempat Kerja Ci Cilik Kompleks Puncak Borneo dekat sini, hari ini.

Fatimah berkata antara syarat permohonan ialah pengusaha taska dan tabika mesti memastikan mereka menyediakan makanan yang sihat serta seimbang selain pembelajaran menyeronokkan juga mengadaptasi pengidgitalan dalam asuhan, bimbingan awal kanak-kanak.

"Untuk makluman para hadirin, permohonan GTK 2024 telah mula dibuka pada 24 Januari sehingga 24 Mac 2024. Permohonan hendaklah dikemukakan melalui laman web iSarawakcare," katanya.

Sementara itu katanya, bagi ibu bapa yang berpendapatan tinggal di kawasan bandar kerajaan sedia maklum cabaran utama dihadapi mereka ialah kurangnya taska dan tabika dikendalikan kerajaan pada caj minimum serta menghantar anak-anak ke IPAKK swasta.

Justeru, Kerajaan Sarawak telah meluluskan sejumlah RM2.5 juta untuk subsidi yuran IPAKK Swasta bagi golongan berpendapatan rendah, mengurangkan bebanan ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke IPAKK Swasta berdaftar.

"Permohonan terbuka kepada semua IPAKK Swasta yang berdaftar dan bagi keluarga yang berpendapatan isi rumah RM7,000 dan ke bawah, kadar subsidi adalah sebanyak RM1,000 setahun bagi seorang kanak-kanak.

"Kita berharap agar inisiatif seperti ini akan membantu golongan yang memerlukan. Permohonan Subsidi Yuran IPAKK ini akan dibuka mulai 11 Mac hingga 1 April 2024 secara dalam talian," katanya.

Mengenai TASKA Di Tempat Kerja Si Cilik, Kompleks Penjara Puncak Borneo Fatimah berkata ia telah mula beroperasi pada 1 Ogos 2023 setelah mendapat perakuan pendaftaran daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak pada 18 April 2023.


Menurutnya pada awal pengoperasian, terdapat dua orang kanak-kanak dan dua orang pengasuh sahaja tetapi kini taska beroperasi dengan 10 kanak-kanak dan tiga pengasuh berserta seorang pembantu pengasuh.

"Untuk makluman juga, semua pengasuh dan pembantu di taska ini telah menghadiri Kursus Asuhan PERMATA (KAP) kerana ia adalah asas bagi pengasuhan awal kanak-kanak.

"Dengan adanya taska ini, kami berharap ia akan memberi kelegaan kepada ibu bapa di Kompleks Penjara Puncak Borneo, khususnya para wanita, dalam membantu mereka mencapai keseimbangan antara kehidupan profesional dan keluarga.

"Taska ini bukan hanya tempat untuk menjaga anak-anak tetapi juga sebagai pusat pembelajaran yang menyokong perkembangan awal kanak-kanak," tambahnya.

Hadir sama Pengarah Penjara Sarawak Timbalan Komisiner Penjara Mohd Andri Md Ridzwan, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Kanak-Kanak Colliner Gohe, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak Adana Jed, Timbalan Pengarah Penjara Sarawak Penolong Kanan Komisiner Fathi Mursidi dan Pengarah Penjara Puncak Borneo Penolong Komisiner Penjara Yahir Sait.



TAJUK : PERKESO KOMITED FOKUS BANTU GOLONGAN RENTAN, OKU

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 4 MAC 2024

M/SURAT : 07

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# PERKESO komited fokus bantu golongan rentan, OKU

**Karnival kerjaya  
berskala besar  
dianjurkan  
di pelbagai lokasi  
penuhi keperluan**

Oleh Ruwaida Md Zain  
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** PERKESO komited teruskan penganjuran karnival kerjaya berskala besar tanpa meminggirkan golongan rentan termasuk orang kurang upaya (OKU) pada masa akan datang.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, Karnival Kerjaya MYFutureJobs OKU & TVET anjuran PERKESO yang berlangsung selama tiga hari bermula 1 Mac lalu adalah program berterusan yang akan dilaksanakan oleh PERKESO.

"Melalui karnival ini, kita mahu memberikan lebih 21,000 peluang pekerjaan membabitkan

195 majikan di sini untuk mereka yang sukar mendapatkan pekerjaan.

"Pada tahun lalu, kita sudah melaksanakan lebih 6,000 program penempatan pekerjaan dan pada karnival kali ini, julung kalinya kita memfokuskan kepada golongan terpinggir ini.

"Seperti sedia maklum, karnival kerjaya kali ini, kita bukan sahaja anjurkan di IDCC Shah Alam sahaja, namun 11 negeri lain juga turut laksanakannya secara dalam talian.

"Aktiviti ini berjalan serentak tetapi program berskala besar seperti ini akan dilaksanakan di tempat lain yang kita anggap juga memerlukan program penempatan pekerjaan sebegini," katanya ketika ditemui di IDCC Shah Alam.

Mohammed Azman berkata, jika karnival ini berjaya, sudah pasti lebih ramai majikan tampil membantu golongan rentan seperti OKU, bekas banduan, wanita ataupun lepasan program Pendidikan dan Latihan Teknikal & Vokasional (TVET) yang selama ini sukar mendapat pekerjaan mengikut kelayakan masing-masing.



Orang ramai hadir pada Karnival Kerjaya MYFutureJobs OKU & TVET di Shah Alam, semalam. (Foto Faiz Anuar/BH)

"Dalam Belanjawan 2024, Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) mengumumkan RM30 juta untuk membantu golongan rentan ini.

"Sasarannya kepada 3,300 pen cari kerja dari segi golongan rentan ini akan dibantu untuk di tempatkan ke alam pekerjaan, yang mana majikan yang mengambil pekerja ini akan diberikan insentif RM1,500 setiap bulan selama enam bulan.

"Jika kita dapat laksanakan program karnival ini dengan jayanya, insya-Allah mungkin lebih ramai lagi majikan akan tampil membantu golongan rentan ini," katanya.

Ditanya mengenai cabaran Perdana Menteri yang memberi tempoh sebulan kepada PERKESO dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) kemukakan cadangan dan latihan baharu bagi melahirkan pekerja yang lebih berkemampuan, beliau berkata PERKESO akan bersama dengan kementerian memantau insentif 'Bina Kerjaya' untuk membantu

golongan yang memerlukan *upskilling* bukan hanya memberikan latihan tetapi mendapat tempat di alam pekerjaan dilaksanakan seperti dikehendaki.

"Menteri, Ketua Setiausaha KSM bersama-sama PERKESO akan memantau dan memastikan dalam masa sebulan perkara

ini dapat kita mengubah dan melaksanakan dengan sempurna," katanya.

Karnival Kerjaya MYFutureJobs OKU & TVET anjuran PERKESO yang dilancarkan oleh Perdana Menteri berlangsung selama tiga hari bermula Jumaat hingga semalam.

## Fokus golongan terpinggir


Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Usanita Sdn Bhd, Datuk Adzliana Hasan berkata, pihaknya bekerjasama dengan PERKESO dalam penganjuran karnival ini bertujuan mengentengahkan golongan yang kurang diberikan perhatian.

"Usaha sama ini sudah dirancang sejak tahun lalu dan ianya satu pencapaian terbaik bagi Usanita Sdn Bhd kerana menerusi kerjasama ini kita mahu ketengahkan golongan terpinggir, contohnya OKU, lepasan TVET, bekas banduan, pesakit HIV dan suri rumah yang mana mereka ini kurang diberikan perhatian," katanya.

**"Karnival kerjaya kali ini, kita bukan sahaja anjurkan di IDCC Shah Alam sahaja, kita ada 11 negeri yang turut laksanakan secara dalam talian"**

Mohammed Azman Aziz Mohammed, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO





TAJUK :	BOOST FOR EARLY CHILDHOOD EDUCATION		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	4 MAC 2024	M/SURAT :	01
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

# Boost for early childhood education

## Sarawak approves special annual grant of RM14 mln for 2,800 registered institutions, says minister



**Kentigern Minggu**  
kentigern@theborneopost.com

**KUCHING:** The Sarawak government has approved a special annual grant (GTK) allocation of RM14 million for 2,800 registered early childhood education institutes (IPAKK) in the state, said Minister of Women, Childhood and Community Wellbeing Development Dato Sri Fatimah Abdullah.

She said each registered IPAKK would be granted RM5,000 from the GTK on several conditions: the GTK must focus using the allocation to provide healthy and balanced nutrition to children; conduct fun and experiential learning; and incorporate digitalisation in early childhood care and guidance.

"This includes parental engagement programmes and professional development courses for educators and caregivers.

"Application for the GTK 2024 commenced on Jan 24 and will be open until March 24, and applications should be submitted through the iSarawakCare website," she said when officiating at the 'Taska di Tempat Kerja Si Cilik' initiative at the Puncak Borneo Prison complex here yesterday.

Also present was Sarawak Prisons director Mohd Andri Md Ridzwan.

Fatimah also highlighted challenges faced by parents with low income residing in urban areas, citing the lack of government-managed childcare centres and preschools with minimal charges as one of them.

"Consequently, the Sarawak government has approved a total of RM25 million to subsidise fees for private IPAKKs. This initiative aims to alleviate the financial burden of parents of sending their children to



**Application for the GTK 2024 commenced on Jan 24 and will be open until March 24.**

Dato Sri Fatimah Abdullah

registered private IPAKKs.

"Applications are open to all registered private IPAKKs and families with a household income of RM7,000 and below. The subsidy rate is RM1,000 per child annually, and we hope such initiatives will assist those in need."

Applications for the IPAKK Fee Subsidy can be made online from March 11-April 1 this year, she informed.

Meanwhile, Fatimah strongly refuted claims that 84 per cent of children in Sarawak are malnourished.

"We are aware the state Health Department conducts post-natal examination to monitor the health of our children. We managed to obtain the profile regarding the prevalence of underweight condition among children below five years old in Sarawak.

"As of 2016, only 17.8 per cent of children in Sarawak were underweight, while data in 2022 shows 15.6 per cent. Is it possible for the number of underweight children to suddenly increase to 84 per cent within a two-year period?" she questioned.